

Lebih 20,000 pesakit kanser baharu dikesan di Malaysia setiap tahun dengan purata usia bagi seorang pesakit lebih 40 tahun, kata Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) Dr M Murallitharan.

Bagaimanapun katanya, sejak dua tahun kebelakangan ini, ramai pesakit kanser baharu dalam kalangan mereka yang berusia lewat 20-an hingga awal 30-an.

“Situasi ini amat membimbangkan kerana usia individu yang dikesan menghidap kanser kini lebih mu-

» INFO

10 jenis kanser yang sering menyerang lelaki dan kategori tertinggi direkodkan ialah kanser usus diikuti paru-paru, prostat, limfoma, nasofarinks, hati, leukemia, perut, kulit dan pundi kencing

Kanser tertinggi direkodkan bagi wanita ialah payudara diikuti kolorektal atau usus, pangkal rahim, paru-paru, ovari, corpus uteri, limfoma, tiroid, leukemia dan kulit.



20,000 pesakit baharu setiap tahun

Peningkatan penghidap kanser dalam kalangan orang muda, kanak-kanak membimbangkan

da dan jumlah kanak-kanak yang menghidap kanser juga tinggi.

“Bagi lelaki, terdapat 10 jenis kanser yang sering menyerang dan kategori tertinggi direkodkan ialah kanser usus diikuti paru-paru,

prostat, limfoma, nasofarinks, hati, leukemia, perut, kulit dan pundi kencing,” katanya selepas Program Relay For Life (RFL)-Luminaria 2022, di sini malam kelmarin.

Program anjuran NCSM

bertujuan memberi sokongan kepada pesakit kanser itu dirasmikan Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Dr Muhamad Akmal Saleh.

Dr Murallitharan berkata, bagi wanita pula, kanser ter-

tinggi direkodkan ialah payudara diikuti kolorektal atau usus, pangkal rahim, paru-paru, ovari, corpus uteri, limfoma, tiroid, leukemia dan kulit.

Beliau berkata, bagaimanapun jumlah pesakit kan-

ser pangkal rahim menurun dalam beberapa tahun ini dipercayai susulan pemberian vaksin virus papiloma manusia (HPV) bermula di peringkat sekolah khususnya dalam kalangan remaja perempuan berusia seawal 13 tahun.

Katanya setakat ini jumlah pesakit atau *cancer survivor* di negara ini yang hidup dengan pelbagai penyakit barah kira-kira 100,000 orang.

Dalam perkembangan lain, katanya NCSM bercadang melaksanakan Program Satu Daerah, Satu Saringan di setiap negeri secara berperingkat pada tahun hadapan dalam usaha menggalak dan memudahkan rakyat di negara ini melakukan saringan kesihatan khususnya mengesan penyakit kanser.

Sementara itu, Dr Muhamad Akmal berkata, kerajaan Melaka bekerjasama dengan NCSM untuk mewujudkan klinik kanser bergerak yang menyediakan perkhidmatan saringan bagi mengesan kanser secara percuma, bermula akhir bulan ini.

Katanya usaha berkenaan bertujuan mengesan kanser di peringkat awal agar rawatan segera dapat dilakukan, sekali gus mengelak sel kanser merebak dan dapat menyelamatkan nyawa.